


Bidang farmasi terap aspek keusahawanan

Kuala Lumpur: Program Jalinan Universiti dan Industri (JATI) anjuran Duopharma Biotech Berhad (Duopharma) dengan kerjasama universiti awam (UA) di negara ini mampu melahirkan ahli farmasi yang mempunyai semangat keusahawanan pada masa depan.

Jalinan kerjasama antara universiti dan industri itu diilhamkan untuk menggalakkan pelajar farmasi tahun akhir di UA menjadi usahawan dengan menceburi industri peruncitan farmasi selepas menamatkan pengajian.

Pensyarah Kanan Fakulti Farmasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang juga Penasihat Program JATI universiti berkenaan, Dr Nor Syafinaz Yaakob, berkata JATI bukan saja mengukuhkan hubungan universiti-industri tetapi turut menyediakan platform untuk pelajar menjalin hubungan dengan profesional dalam persekitaran dunia sebenar.

Beliau berkata, program itu juga membolehkan pelajar menimba kemahiran untuk menjadi usahawan menerusi latihan dan pengalaman pembelajaran serta merang-



Peserta bergambar kenangan dengan Pengarah Urusan Kumpulan Duopharma, Leonard Ariff Abdul Shatar (tapan dari kiri) sempena program 'JATI Day Out', baru-baru ini.

sangkan minat ingin tahu, berfikir secara intelektual dan akhirnya melahirkan generasi baharu yang dapat menyelesaikan masalah secara inovatif dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Produk kesihatan

"Saya dapat lihat bagaimana pelajar boleh menambah kemahiran kepimpinan dan pengurusan mereka, dan membangunkan semangat keusahawanan selepas

mereka menyertai program ini.

"Mereka dapat menyelami aspek perniagaan farmasi melalui aktiviti jualan dan pemasaran produk Duopharma di luar talian dengan membuka gerai pameran di kar-nival dan ekspo universiti serta mempromosikan produk secara kreatif dalam talian menggunakan media sosial," katanya.

Menerusi program itu, pelajar UKM diberi peluang menganjurkan sesi latihan di bawah

bimbingan Duopharma untuk mendidik peserta JATI UKM mengenai kemahiran jualan dan pengetahuan asas berkaitan makanan tambahan untuk kesihatan serta farmaseutikal halal.

Pelajar juga dianjurkan kem-keusahawanan dinamakan 'Seminar Niaga Sihat', membabitkan mahasiswa dari fakulti lain di UKM dan orang ramai yang bertujuan mendidik masyarakat mengenai produk kesihatan.

Mula diperkenalkan pada 2011, program JATI bertujuan untuk menangani masalah pengangguran yang semakin membimbangkan dalam kalangan graduan farmasi di negara ini dengan menerapkan aspek keusahawanan sebagai fokus utama.

Sementara itu, Naib Presiden Program JATI di Universiti Teknologi MARA (UiTM), Siti Nur Illiyin Mohamad Azlan, berkata program itu membolehkan beliau dan peserta lain menimba pengalaman pembelajaran dalam kehidupan sebenar, khususnya kemahiran untuk menjadi usahawan.

"Saya bertuah kerana berpeluang menyertai program JATI Day Out, kem keusahawanan yang membolehkan kami bertukar-tukar pandangan dan idea berasaskan pengalaman masing-masing.

"Saya juga gembira kerana dapat menjalin hubungan dengan mentor profesional dari Duopharma dan membina rangkaian dengan pelajar farmasi lain dari seluruh negara," katanya.